



8 September 2021
8 September 2021
P.U. (A) 355

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

UNDANG-UNDANG KECIL LEMBAGA PELABUHAN JOHOR (PELABUHAN TANJUNG PELEPAS) (SKEL KADAR, DIUS DAN CAJ) (PINDAAN) 2021

JOHORE PORT AUTHORITY (TANJUNG PELEPAS PORT) (SCALE OF RATES, DUES AND CHARGES) (AMENDMENT) BY-LAWS 2021

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA LEMBAGA PELABUHAN 1963

UNDANG-UNDANG KECIL LEMBAGA PELABUHAN JOHOR (PELABUHAN TANJUNG PELEPAS)
(SKEL KADAR, DIUS DAN CAJ) (PINDAAN) 2021

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 16, 17A dan 29 Akta Lembaga Pelabuhan 1963 [*Akta 488*], Lembaga Pelabuhan Johor, dengan kelulusan Menteri, membuat undang-undang kecil yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Undang-undang kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-Undang Kecil Lembaga Pelabuhan Johor (Pelabuhan Tanjung Pelepas) (Skel Kadar, Dius dan Caj) (Pindaan) 2021**.

(2) Undang-Undang Kecil ini mula berkuat kuasa pada 9 September 2021.

Pindaan undang-undang kecil 1

2. Undang-Undang Kecil Lembaga Pelabuhan Johor (Pelabuhan Tanjung Pelepas) (Skel Kadar, Dius dan Caj) 2000 [*P.U. (A) 467/2000*], yang disebut “Undang-Undang Kecil ibu” dalam Undang-Undang Kecil ini, dipinda dalam teks bahasa kebangsaan, dalam perenggan 1(1) dengan menggantikan perkataan “**Skel Kadar**” dengan perkataan “**Skala Kadar**”.

Pindaan Jadual

3. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dalam Jadual—

(a) dalam BAHAGIAN A —

(i) dengan menggantikan butiran 1(a)(iii) dengan butiran yang berikut:

“(iii) Caj marin yang disatukan adalah berdasarkan setiap panggilan dan LOA setiap vesel seperti yang berikut:

<i>LOA</i>	<i>Lat Tempoh</i>	
	<i>6 Jam Pertama atau Sebahagian daripadanya</i> RM	<i>Setiap Jam Tambahan atau Sebahagian daripadanya</i> RM
100 meter dan kurang	3,900.00	130.00
Melebihi 100 meter tetapi tidak melebihi 150 meter	5,850.00	195.00
Melebihi 150 meter tetapi tidak melebihi 200 meter	11,700.00	520.00
Melebihi 200 meter tetapi tidak melebihi 250 meter	20,800.00	1,040.00
Melebihi 250 meter tetapi tidak melebihi 300 meter	23,400.00	1,820.00
Melebihi 300 meter tetapi tidak melebihi 350 meter	29,250.00	2,340.00
Melebihi 350 meter tetapi tidak melebihi 400 meter	31,200.00	2,860.00

Melebihi 400 meter tetapi tidak melebihi 450 meter	34,450.00	3,380.00	”;
Melebihi 450 meter	37,700.00	3,900.00	

- (ii) dalam butiran 1(b)(i), dengan menggantikan perkataan “4.60” dengan perkataan “5.20”;
 - (iii) dalam subbutiran 1(b)(ii)(A), dengan menggantikan perkataan “8.00” dengan perkataan “9.10”;
 - (iv) dalam subperenggan 2(a), berhubung dengan “*Status Kontena*” —
- (A) dengan menggantikan butir-butir yang berhubungan dengan butiran “Dengan muatan” dengan butir-butir yang berikut:

Per Kontena

<i>Tidak Melebihi 20 Kaki Panjang</i>	<i>Melebihi 20 Kaki tetapi Tidak Melebihi 40 Kaki Panjang</i>	<i>Melebihi 40 Kaki Panjang</i>
RM	RM	RM
“300.00	450.00	507.00”; dan

- (B) dengan menggantikan butir-butir yang berhubungan dengan butiran “Kosong” dengan butir-butir yang berikut:

<i>Per Kontena</i>		
<i>Tidak Melebihi 20 Kaki Panjang</i>	<i>Melebihi 20 Kaki tetapi Tidak Melebihi 40 Kaki Panjang</i>	<i>Melebihi 40 Kaki Panjang</i>
RM	RM	RM
“234.00	351.00	390.00”;

- (v) dengan menggantikan butiran 2(c)(vi) dengan butiran yang berikut:

“(vi) Caj kontena *reefer*

Bagi perkhidmatan kontena *reefer* seperti bekalan elektrik, pemeriksaan sebelum perjalanan, penyambungan atau pemutusan bekalan elektrik di atas vesel dan di lapangan *reefer*

<i>Perihal Perkhidmatan</i>	<i>Per Kontena</i>	
	<i>Tidak Melebihi 20 Kaki Panjang</i>	<i>Melebihi 20 Kaki tetapi Tidak Melebihi 40 Kaki Panjang</i>
	RM	RM
Pemeriksaan sebelum perjalanan	91.00	136.50